

**'Saya kecewa, tapi Anwar lagi kecewa' kata Ahmad Maslan**  
**Malaysian Insider**  
**May 10, 2013**  
**Oleh Mohd Farhan Darwis**

KUALA LUMPUR, 10 Mei — Datuk Ahmad Maslan (gambar) mengakui beliau kecewa kerana jangkaan awal untuk Barisan Nasional (BN) memperolehi dua pertiga majoriti tidak menepati sasaran.

Ketua Penerangan Umno itu bagaimanapun turut berkata Datuk Seri Anwar Ibrahim lebih kecewa kerana PKR yang disertai pemimpin pembangkang itu menunjukkan prestasi lebih teruk dalam Pilihan Raya 2013 kali ini.

"Saya pun kecewa juga, saya sebelum ini cakap BN akan menang dua pertiga majoriti, tapi Anwar lagi kecewa, bertanding 99 kerusi menang 30," katanya merujuk kepada tindakan Anwar mengumpulkan penyokongnya dan membantah keputusan pilihan raya pada 5 Mei lalu.

Ahmad sebelum ini berkata beliau yakin BN akan menguasai semula 20 kerusi parlimen yang terlepas kepada pembangkang ketika PRU 13 lalu, dan dengan tambahan tambahan 20 daripada 140 yang dimenangi pada Pilihan Raya 2008, BN akan memperolehi majoriti dua pertiga.

BN bagaimanapun hanya memperolehi 133 kerusi Parlimen dan Pakatan Rakyat (PR) mendapat 89 kerusi.

Ahli Parlimen Pontian itu turut berkata tindakan Anwar membantah keputusan pilihan raya adalah tidak berasas sebaliknya hanyalah usaha untuk mengelirukan rakyat.

"Kononnya berlaku penipuan besar-besaran ... atas alasan itu mereka mengajak rakyat keluar membantah, himpunan dan demonstrasi jalanan, tetapi cara ini tidak demokratik dan tidak mengikut lunas undang-undang," katanya kepada pemberita selepas pertemuan bersama ketua penerangan parti komponen BN di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini.

Ahmad turut menegaskan sekiranya pembangkang ingin membantah keputusan PRU 13, mereka seharusnya mengemukakan petisyen selepas 21 hari keputusan berkenaan diwartakan.

"Petisyen adalah hak rakyat .. semua dakwaan dan bukti boleh dibentangkan untuk diadili di mahkamah.

"Sistem mahkamah Malaysia inilah yang selama ini pernah memberi peluang kepada pembangkang mahu pun BN untuk mendapatkan hak perbicaraan dan keadilan," katanya lagi.

"Cukup-cukuplah berpolitik, rakyat mahukan pemimpin menumpukan usaha kepada memajukan negara ... janganlah diheret pelbagai pihak memenuhi nafsu politik mereka untuk memerintah negara," tambah Ahmad lagi.

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/saya-kecewa-tapi-anwar-lagi-kecewa-kata-ahmad-maslan/>